



20 Februari 2013
20 February 2013
P.U. (A) 54

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PENGANGKUTAN) (PINDAAN) 2013

INCOME TAX (DEDUCTIONS FOR FREIGHT CHARGES) (AMENDMENT) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PENGANGKUTAN)
(PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 33(1)(d) dan perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Kos Pengangkutan) (Pindaan) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013.

Pindaan kaedah 4

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Kos Pengangkutan) 1990 [*P.U. (A) 422/1990*] dipinda dalam kaedah 4 dengan menggantikan kaedah 4 dengan kaedah yang berikut:

“4. Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini—

“barang-barang rotan dan kayu” tidak termasuk kayu gergaji dan veneer;

“kos pengangkutan” ertinya bayaran pengangkutan laut atau bayaran pengangkutan udara yang dilakukan oleh seseorang bagi mengeksport barang-barang rotan dan kayu yang dikilang oleh orang itu dari mana-mana pelabuhan atau lapangan terbang di Malaysia ke pelabuhan atau lapangan terbang di negara terakhir dituju di luar Malaysia bagi maksud pengeksporan itu, tetapi tidak termasuk kos pengangkutan yang dilakukan bagi pengangkutan dari kilangnya ke mana-mana pelabuhan atau lapangan terbang di Malaysia atau dari mana-mana pelabuhan atau lapangan terbang di negara terakhir dituju di luar Malaysia ke mana-mana destinasi dalam negara itu.”.